



**SISTEM ePEROLEHAN  
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**KENYATAAN TAWARAN**

**TARIKH IKLAN : 19 DISEMBER 2024 (KHAMIS)**

Tawaran Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF)** dalam kod bidang **060101** untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	SYARAT PENYERTAAN TENDER	KAEDAH PEROLEHAN
<p>[FTA (CPTPP)] Tender Pembekalan Reagen Dan Konsumabel Bersama Penempatan Peralatan Untuk Ujian Urinalisis – Ujian Urin Biokimia (<i>Test Strip</i>) Dan Urin Mikroskopi Bagi Hospital-Hospital KKM Yang Terpilih Untuk Tempoh Empat (4) Tahun (Maklumat lanjut sila layari laman web Kementerian Kesihatan Malaysia dan <i>MyProcurement</i>) (Tawaran petender dibenarkan dalam BM/ENG)</p> <p><b>No. Tender :QT24000000031086</b></p>	193/2024	<p>Tarikh : 23 Disember 2024 (Isnin) Masa : 10.00 pagi</p> <p><u>Secara atas talian</u></p> <p>Melalui pautan <i>Google Meet</i> seperti berikut:</p> <p><a href="https://meet.google.com/ttg-ivkq-bdo">meet.google.com/ttg-ivkq-bdo</a></p> <p>Petender <b>DIWAJIBKAN</b> untuk menghadiri sesi taklimat tender. Kegagalan mengisi Borang Pengesahan Kehadiran semasa sesi taklimat berlangsung akan dianggap tidak menghadiri sesi taklimat tender tersebut.</p>	<p>1) Perolehan ini tertakluk kepada syarat CPTPP seperti berikut:</p> <p>(i) Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan;</p> <p>(ii) Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan perubahan (tambahan kuantiti/nilai kontrak) dan pelanjutan tempoh kontrak sehingga 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa;</p> <p>(iii) Harga yang ditawarkan pembida juga adalah tertakluk kepada penentuan Keutamaan Harga (<i>Margin Of Preference – MOP</i>); dan</p> <p>(iv) Program Kolaborasi Industri (ICP). (jika berkaitan)</p>	Secara ePerolehan

**❖ PERHATIAN : SILA RUJUK DOKUMEN TAWARAN – SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER YANG TERKINI DALAM SISTEM ePEROLEHAN**

**Telecenter:**

**Bahagian Perolehan dan Penswastaan,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 PUTRAJAYA  
No. Telefon : 03-8883 3022**

Dokumen Tender boleh disemak mulai **19 Disember 2024 (Khamis)** dengan melayari [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my).

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara **Auto Invite**. Hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **03 Februari 2025 (Isnin), jam 12.00 tengah hari**. Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan**. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal**.

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran. Kementerian juga berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran tender daripada mana-mana pembida yang menyertai tender.

**Tawaran yang lewat tidak akan diterima.**

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal\* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

\*Yang mana berkenaan

**Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kesihatan Malaysia**